

# STPM Kertas 1 2014:

## Soalan 4

(a) Nyatakan dua ciri khusus yang dapat membezakan antara pemilik koperasi dengan pemilik organisasi yang lain.

(2 markah)

(b) Imbangan duga belum terlaras bagi Koperasi Petani Kampung Titi Baharu Berhad pada 31 Disember 2013 mempunyai baki akaun seperti yang berikut:

	Debit RM	Kredit RM
Tanah (kos)	200,000	
Perabot dan peralatan pejabat (kos)	70,000	
Kenderaan (kos)	80,000	
Susut nilai terkumpul pada 1 Januari 2013		
Perabot dan peralatan pejabat		21,000
Kenderaan		24,000
Pelaburan di bank	250,000	
Inventori baja dan mesin pada 1 Januari 2013	46,000	
Pinjaman kepada ahli	140,000	
Penghutang	18,000	
Tunai di bank	28,900	
Pemiutang		12,000
Pinjaman bank		150,000
Modal saham		300,000
Rizab berkanun		11,600
Rizab pendidikan		46,000
Keuntungan terkumpul pada 1 Januari 2013		35,400
Jualan baja dan mesin		448,100
Belian	196,300	
Belanja gaji dan upah	12,600	
Belanja sewa	14,600	
Bayaran juruaudit	8,000	
Belanja utiliti	4,900	
Belanja mesyuarat agung dan lembaga pengarah	8,300	
Faedah pinjaman bank	12,000	
Pendapatan pelbagai		41,500
	1,089,600	1,089,600

Maklumat tambahan:

- (1) Inventori baja dan mesin pada 31 Disember 2013 ialah RM70,000.
- (2) Maklumat yang berikut belum diambil kira dalam baki akaun bagi imbangan duga di atas:
  - (i) Dividen atas pelaburan di bank berjumlah RM37,500.
  - (ii) Yuran masuk berjumlah RM1,600.
  - (iii) Elaun kehadiran mesyuarat agung berjumlah RM1,800.
  - (iv) Belanja utiliti terakru berjumlah RM1,600.

- (v) Belanja susut nilai bagi perabot dan peralatan pejabat serta kenderaan diperuntukkan pada kadar 10% atas kos.
- (vi) Elaun kepada ahli lembaga pengarah dan juruaudit dalaman masing-masing ialah RM18,200 dan RM3,000.
- (vii) Peruntukan hutang ragu adalah pada kadar 3% daripada baki penghutang bersih.
- (viii) Rebat jualan kepada ahli yang membeli baja dan mesin adalah sebanyak RM6,500.
- (ix) Peruntukan bagi kumpulan wang rizab berkanun, rizab pendidikan koperasi, dan rizab pembangunan koperasi masing-masing ialah 15%, 2% dan 1% daripada keuntungan.
- (x) Peruntukan honorarium lembaga koperasi ialah 8%, manakala zakat perniagaan dan tabung kebajikan am masing-masing ialah 5%.
- (xi) Ahli lembaga pengarah koperasi telah meluluskan dividen sebanyak 9% kepada anggotanya.

**Dikehendaki:**

Sediakan bagi Koperasi Petani Kampung Titi Baharu Berhad;

- (i) Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. (8 markah)
- (ii) Penyata pembahagian keuntungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. (7 markah)
- (iii) Bahagian ekuiti pemilik kunci kira-kira pada 31 Disember 2013. (3 markah)